

Jurulatih kena jadi contoh kepada pemain

Oleh Noor Hafiza Che Abdullah | 11 Disember 2017



Shazwan Wong Abdullah

Kegemilangan Harimau Malaya hanya dapat dikembalikan sekiranya negara dapat melahirkan lebih ramai jurulatih yang bukan sahaja berkualiti malah mampu menjadi teladan (role model) kepada pemain, lapor Noor Hafiza Che Abdullah.

Pengarah Urusan Little League Soccer, Shazwan Wong Abdullah berkata, pembinaan jati diri dan pembentukan karier pemain bermula dari peringkat akar umbi, justeru itu, setiap daripada mereka memerlukan bimbingan yang betul daripada jurulatih.

"Jurulatih perlu menjadi role model kepada pemain, bukan hanya perlu mengajar, kemudian pulang. Sekarang, konsep itu tidak boleh ada kerana jurulatih adalah teladan yang dipandang pemain.

"Jurulatih perlu mencari punca kelemahan pemain serta mempunyai jalan penyelesaian untuk mengatasi kelemahan itu. Jangan hanya tahu memberi kritikan pedas kerana berdasarkan pengalaman saya tidak semua pemain boleh dikritik.

"Oleh itu, jurulatih perlu kenal peribadi pemain dan yang paling penting sentiasa terapkan kepercayaan kepada pemain dan sentiasa berkomunikasi," katanya ketika ditemui selepas menjadi panel dalam Forum **Perangsang Selangor** Speakers' Corner, kelmarin.

Tiga panel lain ialah legenda bola sepak negara, Datuk Santokh Singh; Jurulatih Perak, Mehmet Durakovic dan Ketua Pegawai Eksekutif Program Pembangunan Bolasepak Negara (NFDP), Safirul Azli Abu Bakar.

Shazwan yang berpengalaman menjadi jurulatih kelab di China akui satu usaha juga perlu dilakukan untuk memperbaiki mutu kejurulatihan di negara ini yang masih di takuk lama di samping menaikkan lagi mutu liga yang secara tidak langsung memperbaiki persembahan pemain.

"Kita kena didik jurulatih kita dahulu yang secara tidak langsung mampu melahirkan lebih ramai pemain berkualiti tinggi," ujarinya.